

02/02/2005

Mahathir-Aceh

DUNIA PERLU TUMPU USAHA PEMBANGUNAN SEMULA ACEH - MAHATHIR

Daripada Hisham Abdul Hamid

BANDA ACEH, 2 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat dunia kini perlu memberikan lebih tumpuan kepada usaha pembangunan semula Aceh selepas kerja menyelamatkan dan bantuan kecemasan.

Katanya antara usaha itu ialah menyediakan kawasan penempatan baru kepada mangsa gempa dan ombak tsunami, pendidikan kanak-kanak serta pemulihan dan penyediaan prasarana persekolahan.

"Banyak yang telah dilakukan bagi memulihkan keadaan dan sekarang ini kita dapati banyak masalah awalan yang telah beres.

"Apa yang perlu sekarang ialah soal membangunkan semula Banda Aceh dan menempatkan penduduk dan soal pelajaran kanak-kanak," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia di Gue Gajah dekat sini hari ini.

Dr Mahathir tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari ke Banda Aceh yang dilanda ombak tsunami pada 26 Dis lepas.

Beliau diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhris Mahathir.

Katanya mengikut taklimat, ramai guru-guru di Aceh turut terkorban dalam tragedi itu dan Malaysia mungkin boleh membantu dalam melatih guru-guru baru.

Dr Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Indonesia Sultan Iskandar Muda turut melawat masjid Baitulrahim di Ulee Lhee iaitu antara kawasan yang paling teruk dilanda ombak tsunami.

Esok Dr Mahathir dijangka melawat Meulaboh yang sehingga kini hanya boleh dihubungi melalui udara dan kem perubatan Aman Malaysia di Sunaboh yang terletak kira-kira 50km dari sini.

-- BERNAMA

HIS SN AZZ RS